

Universiti penyelidikan ditambah

Status baru rangsang IPTA hasilkan lebih kajian serta pakar bertaraf dunia

Oleh Azman Mahmood

KUALA LUMPUR: Lebih banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan diberi status universiti penyelidikan, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, empat universiti awam yang sudah diisytihar universiti penyelidikan perlu menjadi contoh dan menunjukkan keupayaan menjalankan penyelidikan dan menghasilkan reka cipta bertaraf dunia.

"Kerajaan mahu melihat lebih banyak hasil penyelidikan yang berinovasi dan mampu dimanfaatkan secara komersial dan global dalam pelbagai bidang.

FAKTA NOMBOR

Universiti Penyelidikan

4

IPTA dapat status

6

Bulan sekali hasil penyelidikan dinilai

"Kita mahu memperbanyakkan universiti penyelidikan untuk melahirkan lebih ramai pakar penyelidikan dan reka cipta bertaraf dunia," katanya berucap pada majlis perasmian Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan IPT Antarabangsa (Pecipta) 2007 bertema 'Meningivasi Menuju Kelestarian' sempena Forum Inovasi Sedunia (WIF) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Prof Dr Hassan Said dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pecipta 2007 yang juga Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Dzul-

kifli Abdul Razak.

Empat IPTA yang diberi status universiti penyelidikan ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan USM.

Kerajaan sudah menyalurkan peruntukan RM50 juta kepada setiap universiti penyelidikan itu untuk menjalankan program mereka mulai sekarang.

"Kita dapat maklum balas sektor swasta sedia bekerjasama dengan IPTA untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bersama dalam pelbagai bidang.

"Oleh itu, kita akan mengkaji semula tempoh penilaian pencapaian, kemajuan dan hasil penyelidikan di-

jalankan empat universiti berkenaan setiap enam bulan sekali dan bukan setahun seperti ditetapkan sebelum ini," katanya.

Terdahulu, Prof Dzulkipli dalam ucapannya berkata, 443 hasil penyelidikan daripada 24 IPTA, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan dari luar negara dipamerkan di ekspso itu.

"Selain memberi peluang kepada IPTA dan IPTS mempamerkan hasil mereka, ekspso ini juga memberi peluang kepada mereka untuk membentuk jaringan dan usaha sama bagi membangunkan prototaip menerusi penyelidikan khas sehingga matlamat akhirnya boleh dikomersialkan," katanya.